

EDISI 10

JUN 2023

BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Acara Larian Lasak Khazanah Alam di Karnival Sukan Staf Se-Malaysia 2023 UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka

**AHMAD AZMAN BIN MOHAMAD RAMLI, NOOR FARALIZA BINTI SAMSUDIN
& MOHD NAIM BIN MOHD NASFI**

PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT, KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

Bermula dari tarikh 3 Mac 2023 sehingga 9 Mac 2023, telah berlangsungnya KARISTA bagi tahun 2023 bertempat di UiTM Cawangan Negeri Pahang, Kampus Jengka. Kontinjen UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mengambil bahagian dalam 11 acara sukan yang dipertandingkan. Bagaimanapun, penulisan ini memberikan tumpuan kepada satu acara sahaja, iaitu acara Larian Lasak Khazanah Alam.

Acara Larian Lasak Khazanah Alam melibatkan jarak larian sejauh lebih kurang 10 kilometer mengelilingi kawasan UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka. Kebanyakan laluan larian melibatkan laluan di dalam belukar dan ladang sekitar kawasan kampus. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur menasihati para peserta agar menggunakan kasut jenis trail running semasa berlari.

Terdapat lima kategori yang dipertandingkan, iaitu:

- (i) Lelaki senior (39 tahun dan ke bawah)
- (ii) Lelaki veteran (40 tahun hingga 49 tahun)
- (iii) Lelaki super veteran (50 tahun dan ke atas)
- (iv) Wanita senior (39 tahun dan ke bawah)
- (v) Wanita veteran (40 tahun dan ke atas)

Pemenang bagi setiap kategori ditentukan berdasarkan peserta pertama (Johan), peserta kedua (Naib Johan) dan peserta ketiga yang terawal sampai ke garisan penamat (Tempat Ketiga). Selain itu, 20 orang peserta bagi setiap kategori yang terawal sampai ke garisan penamat juga layak menerima medal penyertaan. Tempoh masa yang diberikan kepada peserta untuk menamatkan larian adalah selama dua jam. Tarikh acara ini dijalankan ialah pada 4 Mac 2023. Acara bermula pada jam 7.45 pagi bagi peserta lelaki dan jam 8.15 pagi bagi peserta wanita.

Kontinjen dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menghantar seramai tujuh orang wakil peserta bagi menyertai acara larian ini yang melibatkan seramai enam orang peserta lelaki dan seorang peserta wanita.



Gambar: Infografik acara Larian Lasak Khazanah Alam

Sumber:

<https://pahang.uitm.edu.my/karistapahang2023/index.php>

Para peserta terdiri daripada pelbagai perjawatan iaitu tiga orang pensyarah, seorang pembantu pustakawan, seorang pembantu tadbir, seorang penolong jurutera dan seorang pengawal keselamatan. Selain itu, peserta-peserta ini juga bertugas di kampus yang berbeza, tiga orang peserta dari Kampus Rembau, seorang dari Kampus Kuala Pilah, seorang dari Kampus Seremban, dan dua orang dari Institut Kepimpinan dan Pembangunan Bandar Enstek.

Tidak dinafikan bahawa program sebegini sangat penting bagi membudayakan dan memupuk semangat kesukanan di kalangan semua staf UiTM bagi mengekalkan kehidupan yang sihat dan berkualiti.

